



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-88877033 Faks: 03-8881 1008

KONSERT KEROHANIAN “AKU DAN DIA” MENYEMARAKKAN KARNIVAL KOMUNITI DAN PESTA AIR PUTRAJAYA 2024

PUTRAJAYA, 20 September 2024 – Konsert kerohanian “Aku dan Dia” anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Koperasi Seni Budaya menyemarakkan aktiviti Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya 2024 yang berlangsung di Kompleks Futsal, Presint 18, Putrajaya. Konsert istimewa ini menampilkan penglibatan khas pelajar-pelajar sekolah Putrajaya yang akan bersama – sama artis undangan iaitu Aris Ariwatan dan Zul Handy Black.

Pada masa yang sama turut diadakan Perasmian Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya 2024 yang disempurnakan oleh YBhg. Dato’ TPr. Fadlun Bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj). Turut hadir ialah YBrsh. Encik Wan Ashbi @ W Maheran Bin Leman, Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Ahmad Faisal Bin Abdul Karim, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Putrajaya, YBr. Encik Mizan Bin Masram, Group Chief Business Officer, Bank Islam Malaysia Berhad dan YBr. Tuan Haji Nik Shukri Bin Nik Soh, Naib Presiden, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya.

Sebanyak 60 aktiviti dirangka dalam penganjuran Karnival Komuniti pada kali ini yang terbahagi kepada dua komponen iaitu komponen Karnival Komuniti dan Komponen Sukan Air Putrajaya. Antara tarikan utama Karnival ini adalah Forum Perdana Hal Ehwal Islam, Battle of Zapin, Persembahan Dikir Madani Antarabangsa, Jualan Pasar Saloma, Jualan Rahmah Madani, Pertandingan Perahu Panjang, Indoor Rowing, Sukaneka Air dan Kejohanan Futsal, Bola Jaring, Sepaktakraw, Dart serta banyak lagi.

Sambungan Siaran Media:

KONSERT KEROHANIAN “AKU DAN DIA” MENYEMARAKKAN KARNIVAL KOMUNITI DAN PESTA AIR PUTRAJAYA 2024

Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya 2024 merupakan acara tahunan PPj bertujuan untuk mengukuhkan persepakatan PPj dan warga komuniti serta pemegang taruh di Putrajaya.

SITI FADILAH BINTI RAMLI

Pengarah (Komunikasi Korporat)

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 20 SEPTEMBER 2024

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Puan Haryani Binti Kaulan di talian 019-383 1564 dan Encik Ahmad Fazila Bin Othman di talian 012-5761490.